

# Berjuang hapus perang

Oleh AZLINARIAH ABDULLAH  
(WARTAWAN UTUSAN)

**ADAKALANYA** kita memerlukan sesuatu untuk menjadi sesuatu. Contohnya, kita perlu gagal dahulu sebelum mengecapi manis kejayaan. Kita juga perlu merasa pahit derita sebelum menikmati bahagia. Begitu juga dengan hal mengenai keamanan. Mereka yang mahu menikmati keamanan perlu melalui keganasan dan peperangan.

Kerana cerita duka perang itu amat dalam lukanya, maka tidak ramai yang barangkali terpilih untuk menjadikan ia sebagai sesuatu yang melahirkan sesuatu.

Tetapi perang juga boleh melahirkan tokoh yang memandu kepada keamanan. Kerana bencikan peperangan, ada tertubuhnya pergerakan antiperang, forum antiperang, konvensyen menolak keganasan. Semua itu tidak akan menjadi jika tiada orang atau individu yang memulakannya.

Justeru, Profesor Emeritus Dr. Shoji Sawada 75 tahun misalnya, tergolong dalam orang yang menjadi sesuatu kerana perang.

Sekarang ini, beliau mengajar dalam bidang fizik di Universiti Nagoya di Jepun, tetapi masa lampaunya penuh dengan cerita nestapa perang.

Bahawa perang menjadikannya kehilangan ibu, tetapi pengguguran bom dan ledakan senjata juga membangkitkan beliau menjadi seperti sekarang. Perang membentuk beliau menjadi pakar dalam bidang radiasi selain ahli fizik berpengaruh di Jepun.

Bukan rahsia lagi di negara matahari terbit itu, beliau sangat dihormati kerana kepakarannya dalam bidang radiasi, malah Dr. Sawada juga aktivis antinuklear.

Beliau kerap diundang untuk berceamah mengenai kesan-kesan radiasi akibat perang dan bagaimana saintis mendapat impak daripada perang di Hiroshima dan Nagasaki di Jepun.

Sempat menemui Dr. Sawada semasa waktu rehat untuk menikmati makanan tengah hari, beliau memuji apa yang dilakukan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad atas kapasiti sebagai Pengerusi Pertubuhan Keamanan Sejagat.

"Ini adalah sesuatu yang baik untuk diikuti semua pihak yang mencintai keamanan," katanya dengan merujuk kepada inisiatif yang dirintis oleh Dr. Mahathir.

Dalam pada itu, pada sesi ceramah sebelah pagi di Persidangan dan Pameran Antarabangsa 'Dedahkan Jenayah Peperangan-Jenayah Peperangan' anjuran Pertubuhan Keamanan Sejagat Perdana di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) kelmarin, Dr. Sawada mengimbau sedikit mengenai kejadian di Hiro-



## Dedahkan Jenayah PERANG

shima dan Nagasaki melalui tajuk *The Tragedy of Hiroshima and Nagasaki*.

Semasa bom itu gugur, beliau berusia 13 tahun. Sewaktu terjaga pada pagi hari, tiada apa-apa yang berlaku sehingga beliau terlepas dan terbangun kemudiannya hanya untuk menyaksikan kemusnahan akibat perang.

Kakinya tertindih runtuh akibat pengguguran bom di bangunan-bangunan serta kawasan penempatan.

Mujur beliau terselamat, walau tetap bersedih kehilangan ibu bapa dan orang tersayang. Tetapi itulah perang, maut menjemput tanpa dapat mengira nilai-nilai kemanusiaan.

Sempat membesar, beliau menjadi sangat berminat kepada sains, fizik dan nuklear.

Kajian demi kajian dijalankan mengenai perkara yang satu itu.

"Selepas perang berakhir, pandangan dan sebarang idea mengenai nuklear, radiasi, kesan bom dikeluarkan secara berhati-hati.

"Tetapi pakar-pakar dalam bidang masing-masing seperti sains, fizik, dan kimia atau radiasi kemudiannya menjadi pemimpin pergerakan yang menentang penggunaan bom atom dan hidrogen.

"Mereka juga yang menjadi sibuk mengumpulkan mangsa-mangsa terselamat (hibakusha) akibat perang itu, ini tidak ketinggalan saya," ujar beliau.

Tambahnya, dalam keterbatasan kudrat (kerana cedera, trauma perang atau tidak begitu bebas mengeluarkan pendapat), kajian mengenai tahap kemusnahan, mengukur tahap radiasi, mengadakan kajian patologi tetap berjalan tanpa direhatkan.

Hasil kajian-kajian dan usaha pemimpin keamanan ini, lahir Majlis Sains Jepun pada tahun 1949, yang matlamatnya ialah mengimpikan sebuah keamanan, bebas daripada kesan-kesan perang.

Pada akhir ceramahnya, beliau sempat membuat rayuan supaya penggunaan senjata nuklear ini dihapuskan sahaja demi keamanan dunia dan masa depan umat manusia.

Begitu juga dengan Ali Shalah. Beliau

adalah ikon penyeksaan dan penganiayaan tentera Amerika Syarikat (AS) di penjara Abu Gharib di Iraq.

Kerana menerima aib akibat diseksa begitu rupa, beliau menggerakkan sebuah pertubuhan yang matlamatnya bukan sahaja untuk membalas dosa AS, tetapi pada sisi lain, menolak dan menghentikan terus keganasan yang dilakukan AS.

Bertitik-tolak daripada gambarnya yang memakai tupuk tersiar di seluruh dunia, dibogel selama 15 hari dan diseksa mendengar rentak muzik kuat, beliau mengakui 'tergerak' untuk mencari cara menghentikan keganasan yang dilakukan AS di Iraq.

### Memalukan

"Gambar itu sendiri sudah cukup memalukan. Dengan kudrat yang ada serta sokongan yang diterima, Pertubuhan Mangsa-Mangsa Tahanan Perang AS ditubuhkan. Asalnya, jumlah ahli ialah 12 orang sahaja, tetapi menjadi bertambah dari semasa ke semasa," katanya yang mengakui keahlian pertubuhan tersebut telah mencecah berpuluh-puluh ribu orang.

Perkembangan terbaru pertubuhan tersebut antara lain ialah telah berjaya mengumpulkan pengakuan-pengakuan beberapa mangsa tahanan penjara bagi dijadikan bukti pendakwaan ke atas AS.

"Kita berharap pertubuhan ini akan menerima sokongan berterusan. Persidangan yang diadakan di Kuala Lumpur ini sedikit sebanyak menjadi batu loncatan untuk menambahkan sokongan pada pertubuhan dan perjuangan kami yang bencikan keganasan dan peperangan," ujar beliau.

Begitu juga dengan seorang lagi rakyat Iraq, Hana Bayaty.

Beliau ialah wartawan dan Ketua Editor Mingguan *Al-Ahram* Iraq.

Sakit hatinya kepada perang di tanah air sendiri menjadikannya terlibat dalam Tribunal Jenayah Perang Brussels di mana beliau merupakan Jawatankuasa Eksekutif.

Dalam ceramahnya berjudul *Iraq -*

**Bertitik-tolak daripada gambarnya yang memakai tupuk tersiar di seluruh dunia, dibogel selama 15 hari dan diseksa mendengar rentak muzik kuat, beliau mengakui 'tergerak' untuk mencari cara menghentikan keganasan yang dilakukan AS di Iraq**

*Criminalising the Right to Resist*, Hana berkata, perjuangan mempertahankan kedaulatan di Iraq akan berpanjangan dan AS akan malu sendiri kerana kesilapannya mencerooboh negara berkenaan pada Mac 2003.

"Kerana perang, rakyat Iraq menjadi kuat dan lebih menghargai nilai hidup melalui keamanan, dan dengan itu perjuangan masih belum selesai."

Dalam pada itu, kita di Malaysia, sebenarnya bernasib baik negara ini aman, tiada perang. Dengan kata lain kita tidak mempunyai 'sesuatu' untuk menjadi sesuatu.

Tetapi kita ada juga individu seperti Dr. Mahathir yang tidak memerlukan apa-apa sebab atau sesuatu untuk mendapatkan sokongan kepada keamanan.

Beliau tidak seperti Ali Shalah, atau Dr. Sawada yang ada pengalaman perang sendiri sekali gus melorongkan mereka memasang kudrat mencari sokongan kepada keamanan.

Justeru, untuk mencapai keamanan, bukannya terletak di bahu Dr. Mahathir, Dr. Sawada, Ali Shalah dan bukan juga pada orang Iraq seperti Hana. Tetapi lebih jauh daripada itu, ia terletak pada kita semua.

Mudah kata, kudrat untuk ke arah itu ada pada kita semua yang hidup dalam dunia ini, yang mahukan keamanan melebihi segala-galanya. Dan ini juga digerakkan kerana tidak lain tidak bukan, keamanan adalah nama keramat yang barangkali semakin dilupakan ketika kebanyakan pemimpin dunia mengejar kuasa dan kekuatan.

Tidak dapat tidak, hal mencari dan mendapatkan sokongan untuk keamanan mesti diambil peduli.

Forum tiga hari bermula 5 Februari lepas berakhir dengan usaha menubuhkan Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur.

Dalam tempoh tiga hari ia turut mendengar pelbagai sisi mengenai perang dan keamanan. Turut berlangsung ialah pameran mengenai penjara Abu Gharib, pembunuhan Haditha, Qana, Gaza, Jenin, Hiroshima dan Nagasaki selain alat-alat penyeksaan. Walaupun forum berakhir, tempoh masa pameran dilanjutkan sehingga 11 Februari ini atas permintaan ramai.